

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK

TARIKH : 13.3.2018

SOALAN : NO. 25

Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik mengenai pembiayaan PTPTN yang ditukar kepada biasiswa dan apakah amaun itu hangus atau sebaliknya. Bagaimana pula kelompok yang mendapat diskaun 20 peratus dan 10 peratus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2018, PTPTN telah mengecualikan bayaran balik kepada 49,226 peminjam yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama atau setaraf dengannya yang melibatkan jumlah pinjaman yang dilupuskan sebanyak RM1.5 bilion. Insentif yang mula diperkenalkan pada tahun 2003 ini merupakan pengiktirafan Kerajaan kepada pelajar-pelajar cemerlang di Institut Pendidikan Tinggi (IPT) tanpa mengira kaum dan latar belakang keluarga.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebagai pemangkin untuk menggalakkan bayaran balik pinjaman, Kerajaan melalui Bajet 2017 telah memperkenalkan diskaun 15 peratus bagi penyelesaian penuh hutang dan diskaun 10 peratus bagi bayaran balik pinjaman sekurang-kurangnya

50 peratus daripada baki hutang atau bayaran balik melalui potongan gaji dan *direct debit*. Di dalam pembentangan Bajet 2018, Kerajaan berbesar hati untuk melanjutkan pemberian diskaun 10 peratus ini sehingga 31 Disember 2018 serta menaikkan diskaun penyelesaian penuh hutang daripada 15 peratus kepada 20 peratus. Sehingga 31 Januari 2018, seramai 177,898 peminjam telah membuat penyelesaian penuh hutang yang melibatkan pemberian diskaun sebanyak RM343.8 juta, manakala 327,969 peminjam telah menikmati diskaun 10 peratus yang melibatkan jumlah diskaun sebanyak RM105.9 juta.

Pengecualian bayaran balik dan pemberian diskaun ini merupakan inisiatif Kerajaan di dalam melahirkan modal insan yang berilmu dan berkualiti yang bakal menjadi tunjang masa depan negara.

SOALAN (26)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13 MAC 2018
[SELASA]

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]

SOALAN :

YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang sesiapa yang ingin mencari gali petroleum di Sarawak harus mendapat kelulusan dan permit daripada Kerajaan Negeri Sarawak. Adakah cari gali yang sedia wujud juga harus mendapatkan lesen daripada Kerajaan Negeri Sarawak. Apakah tindakan akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan mengenai perkembangan terbaru ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan dan pemajuan sumber petroleum negara akan dilaksanakan berpandukan kepada peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa. Pihak PETRONAS bersedia untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak untuk memajukan lagi sektor petroleum negara.

Sekian, terima kasih.

Mac 2018